

# Satu gemuk, satu kurus— Mahathir

# KONSEP

# KEMBAR

KUALA LUMPUR 25 APRIL

**T**IMBALAN Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, konsep yang mengumpamakan orang Melayu dengan orang Cina sebagai kembar Slam (Siamese twin) adalah tepat sekali.

Sambil menyatakan rasa tertariknya kepada konsep tersebut yang dibuat oleh Senator Kam Woon Wah di Dewan Negara beberapa hari lalu, Dr. Mahathir menyebut kembali betapa satu dari 'Siamese twin' itu terlalu gemuk dan satu lagi terlalu kurus seperti yang dikatakan oleh Senator Datuk Sri Hussein Noordin.

Menggulung bahas titah diraja mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian petang ini, beliau berkata, di negara ini juga terdapat perbezaan di antara satu kaum dengan kaum yang lain dan untuk mengurangkan perbezaan tersebutlah, kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru.

# SIAMI

sungguhpun persaingan adalah tidak terhad.

Beliau berkata, peniaga bumiputera tidak sepatutnya cuma suka memasuki bidang-bidang yang popular yang mempunyai sekatan-sekatan tertentu umpamanya area atau product agency atau distributor yang memerlukan permit atau lesen sahaja.

Menyentuh tentang saham, yang dikhaskan kepada bumiputera Dr. Mahathir menasihatkan mana-mana pihak yang berhajat untuk membelinya supaya berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan segera.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, faedah juga didapati bila projek-projek perindustrian tersebut akan memberi peluang kepada perusahaan-perusahaan kecil atau pun supporting industries.

Projek-projek perindustrian tersebut katanya, jika ditempatkan

“Malangnya, masih terdapat beberapa ahli yang terhormat yang masih belum memahami tujuan sebenarnya dasar tersebut,” tegas beliau.

Dr. Mahathir mengingatkan akibat buruk yang akan berlaku sekiranya matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tidak berjaya.

Beliau berkata: “Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan perbezaan yang terdapat di antara kaum di negara ini bagi memastikan bahawa satu-satu kaum tidak ketinggalan dari kaum yang telah maju.”

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan tidak bertujuan memaksa atau mengarah pihak swasta untuk memperuntukkan 30 peratus daripada kegiatannya kepada bumiputera.

Menurutnya, apa yang telah dilakukan oleh kerajaan ialah meminta kerjasama sesuatu syarikat swasta yang ingin memperbesar perniagaan atau perusahaan mereka untuk memberi peluang kepada bumiputera mengambil bahagian.

Umpamanya, kata beliau, kerajaan tidak pernah memaksa syarikat-syarikat perniagaan melantik wakil-wakil pengedar bumiputera sekiranya syarikat-syarikat tersebut telah mempunyai wakil-wakil pengedar mereka sendiri di satu-satu kawasan.

“Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah sekiranya sesuatu syarikat itu hendak melantik pengedar-pengedar baru di sesuatu kawasan, maka peluang itu hendaklah diberi kepada bumiputera,” ujar beliau.

### **Tidak terhad**

“Saya harap dengan penjelasan saya ini kaum bukan bumiputera tidak akan merasa bimbang di atas dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut,” tambahnya.

Dr. Mahathir menasihati peniaga-peniaga bumiputera supaya memasuki bidang-bidang perdagangan di mana tidak terdapat naungan sekatan dan peluang perniagaan adalah lebih banyak

Mengenai syor supaya kerajaan membina panggung-panggung wayang, beliau berkata, kerajaan telah pun mengusahakannya termasuk menimbangkan pembinaan panggung third circuit.

Menurut beliau, perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri dan perbadanan-perbadanan bandar telah menyatakan minat mereka untuk mendirikan panggung-panggung wayang third circuit itu.

Setakat ini tegasnya, Perbadanan Pembangunan Bandar, (UDA) telahpun membina tiga buah panggung wayang yang telah pun siap iaitu dua di projek Wang Plaza dan satu di Sri Lokman.

Beliau menambah, tujuh buah lagi sedang dibina. Menyentuh tentang pelaburan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan bukan sahaja menggalak para pelabur asing supaya melabur di negara ini tetapi juga menggalak para pelabur tempatan untuk berbuat demikian.

Beliau menegaskan, negara akan mendapat beberapa faedah dengan adanya pelaburan dari luar negeri.

Antaranya ialah kemasukan modal dari luar negeri di mana projek-projek perindustrian tersebut akan memberi peluang pekerjaan kepada para belia.

kan di kawasan-kawasan yang kurang maju akan dapat menolong meningkatkan taraf kawasan tersebut dan juga penduduk-penduduk di kawasan itu.

Beliau menekankan bahawa adalah tidak benar seperti yang dikatakan oleh Senator Dr. Lim Keng Yaik iaitu kelembapan pelaburan adalah disebabkan oleh Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA).

Katanya, kemerosotan pelaburan dalam masa tiga tahun yang lepas adalah disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia di mana negara-negara asing menumpukan perhatian kepada pelaburan dalam negara masing-masing.